

# Negeri diberi kelonggaran guna peruntukan penyenggaraan jalan

Pemberian melalui MARRIS langkah prihatin atasi kerosakan akibat banjir

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan negeri diberi kelonggaran tambahan dalam penggunaan peruntukan di bawah Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri sebanyak RM5 bilion untuk 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pemberian itu adalah melalui pemberian Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS).

"Ia bagi membiayai kerja penyenggaraan, pembaikan, peng-

gantian dan pengubahsuaian jalan, jambatan, longkang, pemetung serta cerun di jalan negeri yang rosak akibat banjir termasuk di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kerajaan Persekutuan amat prihatin terhadap situasi yang dihadapi kerajaan negeri pasca banjir Monsun Timur Laut 2021/2022 yang lalu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata ia adalah antara lima penambahbaikan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pemberian dan sokongan kepada negeri bagi 2022.

Katanya perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang dihadiri Menteri Besar dan wakil Ketua Menteri dari semua negeri di Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan juga bersetuju mengkaji semula pemberian MARRIS supaya peruntukan itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya

"Ia bagi membiayai kerja penyenggaraan, pembaikan, penggantian dan pengubahsuaian jalan, jambatan, longkang, pemetung serta cerun di jalan negeri yang rosak akibat banjir termasuk di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT)"



Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri

oleh kerajaan negeri dengan memperluas skop perbelanjaannya termasuk merangkumi penyenggaraan jalan seperti di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian.

Justeru katanya, Kerajaan Persekutuan bersedia membuat pindaan garis panduan dan perundangan yang berkaitan untuk meluaskan skop penggunaan pemberian MARRIS.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan akan meningkatkan peruntukan Pindahan Fiskal Ekologi (EFT) daripada RM70 juta kepada RM100 juta sebagai insentif khusus kepada negeri yang mewartakan kawasan baharu untuk dilindungi.

"Insentif kewangan kepada kerajaan negeri ini adalah bagi meningkatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan bio-

diversiti daratan serta marin," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan Persekutuan turut bersetuju dengan caruman sebanyak RM330 juta dalam Kumpulan Wang Rizab Negeri bagi membiayai Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (pemberian TAHAP).

Pada masa sama, satu jawatankuasa akan ditubuhkan, dipengerusikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi membuat semakan semula formula pengiraan, kriteria dan kaedah pengagihan pemberian TAHAP.

"Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan peluang kepada kerajaan negeri bagi melaksanakan projek pembangunan mengikut keutamaan dan keperluan negeri masing-masing.

"Langkah ini bagi memperkuat lagi momentum pemulihan ekonomi Keluarga Malaysia," katanya.